

16 MAR 2001

Chong (Fokus Berita)

CHONG KAH KIAT LEPASI PELBAGAI HALANGAN UNTUK JADI KETUA MENTERI

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 16 Mac (Bernama) -- Pulau Tiga, sebuah kepulauan tropika berhampiran Kuala Penyu di pantai barat Sabah, menjadi terkenal pada tahun lepas berikutan kejayaan siri televisyen Amerika yang popular "Survivor", yang penggambarannya dilakukan di pulau itu.

Ia menjadi begitu popular sehingga sebuah syarikat penerbitan filem Britain menghasilkan siri itu bagi versi Britain dan penggambarannya sedang dibuat di pulau yang sama.

Pemenang bagi Survivor versi Britain itu belum diketahui tetapi di tanah besar Sabah, jawapan bagi teka-teki itu, walaupun lebih bersifat politik, sudah diketahui.

Sistem penggiliran masih diteruskan dan Ketua Menteri Sabah yang baru ialah Datuk Chong Kah Kiat, tokoh yang memainkan peranan dalam membawa siri televisyen popular itu ke negeri ini.

Mengikuti sistem penggiliran itu, Chong, 53, yang juga Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi dalam Kabinet Datuk Osu Sukam akan menggantikan Osu dan mengetuai kerajaan negeri untuk tempoh dua tahun yang berakhir pada Mac 2003.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Ketua Menteri Sabah yang baru itu di Kuala Lumpur hari ini.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri dan Barisan Nasional (BN) kerana memberikan saya tanggungjawab ini," kata Chong kepada pemberita di Kuala Lumpur selepas pengumuman itu.

"Tugas saya adalah untuk memastikan BN terus diperkukuhkan dan saya akan bekerjasama dengan semua parti komponen BN," katanya.

Dilahirkan di Kudat pada 2 Jun, 1948, Chong secara tidak langsung merupakan seorang 'survivor' dalam politik Sabah -- beliau merupakan pemimpin tunggal dari kerajaan Berjaya (1976-1985) yang berjaya melepasi pelbagai halangan semasa tempoh kekalutan itu dalam politik Sabah untuk muncul semula dengan jayanya.

Beliau memperolehi ijazah undang-undang dari Victoria University, New Zealand pada 1974 dan bertanding dan memenangi kerusi Kudat di atas tiket Berjaya pada pilihan raya negeri pada Mac 1981.

Beliau dilantik Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri pada tahun berikut dan memegang jawatan itu sehingga April 1985 apabila beliau tewas kepada Datuk Wong Phin Chung dari Parti Bersatu Sabah (PBS).

Beliau sekali lagi tewas kepada Wong pada pilihan raya negeri 1986.

Pada Mac 1987, beliau menjadi anggota Majlis Tertinggi Berjaya tetapi kemudian meninggalkan parti itu apabila ternyata parti itu sudah hilang pengaruh.

Chong bersama-sama dengan beberapa pemimpin Cina kemudian mengasaskan Parti Liberal Demokratik (LDP) pada 1989 dan dilantik sebagai setiausaha agung sementara. Dua tahun kemudian beliau menjadi presiden parti itu.

Beliau tidak bertanding pada pilihan raya negeri 1994 tetapi setahun kemudian dilantik sebagai anggota Dewan Negara, dan Perdana Menteri melantik beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau meletakkan jawatan dari Kabinet Persekutuan pada Mac 1999 untuk bertanding pada pilihan raya negeri.

Kali ini beliau memenangi semula kerusi Kudat dan dilanti sebagai Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi negeri.

LDP mempunyai satu kerusi -- Kudat -- dalam Dewan Negeri Sabah dan satu lagi kerusi dalam Dewan Rakyat -- Sandakan.

-- BERNAMA
JS AKD